


Pantau ketat pekerja asing di kilang topeng



Penambahan pekerja asing secara tidak langsung membolehkan kilang topeng muka dan mulut beroperasi 24 jam.

Mohd Amin Jalil

am@hmetro.com.my

KEMENTERIAN Sumber Manusia akan memantau kemasukan warga asing di sektor perkilangan terutama yang memerlukan pertambahan pekerja bagi meningkatkan penghasilan topeng muka dan mulut, susulan penularan coronavirus atau Covid-19.

Timbalan menterinya, Datuk Mahfuz Omar, berkata, pihaknya akan melakukan kawalan ketat terhadap kemasukan mereka di sektor berkenaan supaya pertambahan pekerja itu bergantung kepada keperluan.

"Walaupun kerajaan memberikan kebenaran bagi pengambilan lebih ramai pekerja asing di kilang khususnya untuk meningkatkan pengeluaran topeng muka dan mulut, namun pemantauan dan kawalan rapi perlu dilakukan.

"Pihak kita (kementerian) berikan perhatian dalam perkara itu dan kami sentiasa terbuka kepada mana-mana pengilang untuk membuat permohonan yang memerlukan pertambahan pekerja warga asing untuk tingkatan produksi.

"Namun kita perlu memantau dan melihat keperluan mereka supaya ia tidak menimbulkan masalah.

"Perbincangan perlu dibuat dengan persatuan majikan dan jika ada keperluan, mereka boleh membuat permohonan rasmi untuk kelulusan," katanya selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-3, Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC) Zon Tengah 2020, di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di Nilai, Negeri Sembilan tadi.

Dalam laporan media semalam, kerajaan memberi kelonggaran pengambilan lebih ramai pekerja asing di kilang bagi meningkatkan penghasilan topeng muka dan mulut untuk memenuhi permintaan bekalan susulan penularan COVID-19.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dalam kenyataannya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBH) memberitahu, hasil perbincangan antara pengilang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), baru-baru ini, mendapati penambahan pekerja asing berkenaan secara tidak langsung membolehkan kilang terbabit beroperasi 24 jam.

Mengulas lanjut, Mahfuz berkata, setakat ini pihaknya belum menerima sebarang permohonan membabitkan pertambahan pekerja warga asing daripada pengilang.

Dalam pada itu, beliau berkata, sektor pengilangan di negara ini tidak begitu menerima kesan yang teruk dengan penularan COVID-19, sebaliknya operasi sektor berkenaan masih terus bersaing dan terkawal.

Terdahulu, seramai 519 pelajar daripada 12 pusat latihan kemahiran Jabatan Pengajian Kemahiran (JPK) peringkat zon tengah menerima sijil dan diploma masing-masing.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 15 Februari 2020 @ 8:28 PM

